




# PENGARUH PANDEMIK COVID-19 & PdPR TERHADAP KESEJAHTERAAN GURU DI MALAYSIA

---

LAPORAN KAJIAN AWAL 2021

21

## Penghargaan



### Penghargaan Kepada

En Aznur Hafeez Kaswuri  
Dr Saiyidi Mat Roni  
Dr Khadijah Hasanah Abang Abdullah  
Cik Nur Aina Mohd Kamil

### Penyelidik


En Mohd Khairuddin Rais  
Dr Nurul Suhada Ismail  
Dr Farah Farhana Johari  
Cik Nur Aina Makhtarudin

### Pereka Grafik

En Nabil Lukman Heikal Che Yusof


# FAKTA SIGNIFIKAN

## PROFIL Demografi



## KESAN PdPR Terhadap Guru

Guru-guru merasakan kaedah pengajaran di bilik darjah lebih mudah dilakukan berbanding pengajaran secara atas talian. Cabaran baharu kepada para guru kerana perlu menyesuaikan diri dengan norma baharu yang menuntut PnP dilaksanakan dalam talian.



41.7%


"PdPR secara atas talian memberi cabaran yang besar kepada guru-guru"

PdPR secara atas talian memberi kesukaran kepada mereka berbanding PnP secara bersemuka dari segi proses PnP dan perngurusan pelajar.




20.8%

"Guru berusia 41 - 60 tahun mempunyai kekangan terhadap penguasaan teknologi berbanding guru-guru yang lebih muda"



"Guru sukar mengawal pelajar semasa PnP dari rumah"



"Guru merasa tidak proaktif apabila perlu bekerja dari rumah"

Guru di peringkat usia ini antara yang paling terkesan dengan PdPR secara atas talian. Majoriti tenaga pendidik yang berusia 50-an dan bakal bersara beberapa tahun lagi kurang mahir terhadap penggunaan teknologi maklumat (ICT). Mereka perlu dibantu dan disokong oleh guru-guru muda yang lebih terdedah kepada teknologi komunikasi maklumat terkini agar dapat mengurangkan beban dan masalah para guru yang lebih berusia.

# FAKTA SIGNIFIKAN

## SIMPTOM PSIKOLOGI

Dialami Guru Dalam Tempoh Dua Minggu

|       |                                                                       |       |                                                             |
|-------|-----------------------------------------------------------------------|-------|-------------------------------------------------------------|
| 55.3% | Mengalami perasaan resah, gelisah atau tegang.                        | 35.9% | Mengalami kesukaran menghentikan atau mengawal kebimbangan. |
| 50.5% | Mempunyai sedikit minat atau keseronokan dalam melakukan kerja-kerja. | 33.3% | Mengalami murung, sedih atau tiada harapan.                 |
| 44.7% | Mengalami kesukaran mendapatkan semangat melakukan kerja.             | 24.9% | Berkecenderungan bertindak keterlaluan.                     |
| 41.8% | Mengalami kesukaran beri fokus ketika mengajar                        | 20.5% | Tidak mempunyai sebarang harapan terhadap diri sendiri.     |
| 39.2% | Mengalami kesukaran untuk tidur.                                      |       |                                                             |



\*\*Kekerapan simptom ini dialami guru selama beberapa hari untuk tempoh 2 minggu



“

Sebilangan kecil guru telah mengalami simptom-simptom ke arah gangguan psikologi secara kerap. Ini merupakan peratusan yang konsisten bagi guru yang mengalami simptom gangguan psikologi.


”

## CADANGAN Meningkatkan Kesejahteraan Guru



### LATIHAN ATAU KURSUS SECARA BERKALA

Latihan atau kursus secara berkala tentang penggunaan teknologi amat penting demi memastikan kelancaran PdPR secara atas talian terutamanya bagi para guru yang berumur 41 hingga 60 tahun.



### MEMPERKASAKAN BAHAGIAN PSIKOLOGI & KAUNSELING (BPSK), KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

BPsK perlu bekerjasama dengan pelbagai pihak terutamanya kaunselor daripada luar agar peranannya lebih menyeluruh.



### MEWUJUDKAN PEMBANTU GURU BERKEMAHIRAN DALAM TEKNOLOGI

Inisiatif mewujudkan pegawai berkemahiran dalam teknologi amat diperlukan bagi meringankan bebanan guru. Memadai sekiranya pegawai teknologi maklumat dapat menyediakan alat bantu mengajar (ABM) yang bersesuaian untuk memudahkan urusan PdPR secara atas talian.

SENARAI

KANDUNGAN

|    |                                                         |
|----|---------------------------------------------------------|
| 1  | Pendahuluan                                             |
| 1  | Permasalahan Kajian                                     |
| 2  | Objektif Kajian                                         |
| 3  | Metodologi Kajian                                       |
| 4  | Latar Belakang Responden                                |
| 6  | Cabaran Pendidikan Norma Baharu                         |
| 6  | Tahap Kognitif Guru                                     |
| 7  | Kesejahteraan dan Kecekapan Guru                        |
| 10 | Kesan Transformasi Pendidikan Dari Aspek Psikologi Guru |
| 12 | Cadangan Penambahbaikan                                 |
| 14 | Cadangan Kajian Masa Hadapan                            |
| 16 | Rujukan                                                 |

# SENARAI JADUAL


- |    |          |                                                                                                                  |
|----|----------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 4  | Jadual 1 | Profil Responden                                                                                                 |
| 6  | Jadual 2 | Tahap Kognitif Guru Menjalani PdPR secara atas Talian                                                            |
| 7  | Jadual 3 | Kesan ke atas Kesejahteraan dan Kecekapan Guru Menjalani PdPR secara atas Talian Berdasarkan Jantina             |
| 7  | Jadual 4 | Kesan ke atas Kesejahteraan dan Kecekapan Guru Menjalani PdPR secara atas Talian Berdasarkan Umur                |
| 8  | Jadual 5 | Penggunaan Peranti ICT oleh Guru Berdasarkan Peringkat Umur                                                      |
| 8  | Jadual 6 | Kesan ke atas Kesejahteraan dan Kecekapan Guru Menjalani PdPR secara atas Talian Berdasarkan Pengalaman Mengajar |
| 9  | Jadual 7 | Kesan ke atas Kesejahteraan dan Kecekapan Guru Menjalani PdPR secara atas Talian Berdasarkan Kawasan             |
| 10 | Jadual 8 | Kekerapan Gangguan Psikologi Guru (Simptom) dalam Tempoh Dua Minggu                                              |

# SENARAI RAJAH

- |   |         |                                                                 |
|---|---------|-----------------------------------------------------------------|
| 1 | Rajah 1 | Status Penutupan Sekolah dari Februari 2020 Hingga Oktober 2021 |
| 2 | Rajah 2 | Statistik Guru dalam Tempoh Pandemik COVID-19 2020 hingga 2021  |
| 8 | Rajah 3 | Peratusan Pengalaman Mengajar Guru                              |

## Pendahuluan

Krisis kesihatan Coronavirus Disease of 2019 (COVID-19), telah memberi kesan besar terhadap pelbagai aspek pembangunan, sehingga World Health Organization (WHO) sendiri mengisytiharkannya sebagai pandemik. Kesan susulan pandemik COVID-19 telah menjejaskan hampir seluruh sistem pendidikan dunia di samping sistem pembangunan ekonomi dan sosial. Berdasarkan World Bank (2021), kesan terhadap sistem pendidikan didapati lebih teruk berbanding jangkaan apabila menjejaskan hampir 150 negara, termasuk 1.6 bilion pelajar akibat penutupan sekolah. Rajah 1 berikut mempamerkan status penutupan sekolah bermula Februari 2020 hingga Oktober 2021.



Rajah 1 mempamerkan, sehingga Oktober 2021, 32% negara di seluruh dunia sama ada sepenuhnya (14 negara) atau sebahagian (50 negara) telah menutup sekolah akibat COVID-19 (World Bank, 2021). Menurut laporan World Bank (2021) juga, penutupan sekolah paling lama telah berlaku di Asia Selatan, Amerika Latin dan Caribbean dengan purata masing-masing 429 hari dan 387 hari, sama ada ditutup sepenuhnya atau sebahagiannya sahaja.

Sistem pendidikan di Malaysia antara yang tidak terkecuali menerima kesan sama sebagaimana negara-negara lain. Tindakan sama juga turut dilakukan oleh kerajaan Malaysia dengan menutup keseluruhan institusi pendidikan. Susulan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berperingkat, penutupan sekolah merupakan larangan utama sebagai usaha mengekang penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Rentetan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengumumkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) bermula 9 November 2020 hingga 17 Disember 2020 bagi semua sekolah termasuk Kolej Vokasional (KV). Kerajaan turut mengarahkan PdPR secara atas talian sebagai alternatif baharu bagi menggantikan Pengajaran dan pembelajaran (PnP) secara bersemuka. Meskipun PdPR secara atas talian dilihat sebagai kaedah paling wajar untuk mengelak berlaku keciciran pembelajaran, namun timbul cabaran lain.

### Permasalahan Kajian

Secara realiti, PdPR telah meletakkan cabaran yang cukup hebat kepada golongan pendidik lebih-lebih lagi apabila perlu dilaksanakan secara atas talian. Sedari awal pelaksanaan PdPR secara atas talian cabarannya telah hangat diperkatakan sama ada menerusi media sosial, media massa serta laporan-laporan kajian berkaitan. **Antara cabaran yang dikenal pasti adalah masalah kebimbangan, stres dan keletihan.**

Menurut, Mission Square Research Institute (2021), pendidik K-12[1] dari sekolah awam di United States (US) antara yang paling ramai mengalami kebimbangan (anxiety), stres dan keletihan (burnout) semasa pandemik COVID-19. Menerusi kajian tinjauan yang dilakukan terdapat 52% pekerja K-12 yang mengalami stres, 52% yang lain mengalami keletihan (burnout) dan 34% mengalami kebimbangan (anxiety) berbanding kakitangan kerajaan yang lain (Mission Square Research Institute, 2021). Kajian tersebut turut melaporkan bahawa, pertukaran kaedah pembelajaran secara maya yang dilaksanakan sepenuh masa, berlaku terlalu pantas sehingga mengakibatkan timbul permasalahan sedemikian (Mission Square Research Institute, 2021). Situasi tersebut memperlihatkan bahawa perubahan drastik terhadap sistem pendidikan membawa kepada impak yang membimbangkan terhadap para guru.

Lebih memeranjatkan apabila **terdapat sebahagian guru yang telah melepaskan profesion masing-masing akibat daripada stres ketika berdepan pandemik COVID-19.** Dalam hal ini, terdapat negara yang dikesan mengalami kekurangan guru dalam mendepani situasi pandemik ini. Menurut Flannery (2021) berikutan daripada pandemik beserta dengan penurunan gaji yang berlaku, US telah membuka banyak kekosongan jawatan mengajar yang semakin berkurangan di negara tersebut. Misalnya, di Michigan didapati pesara guru telah meningkat 40% pada tahun lepas berbanding tahun sebelumnya (Flannery, 2021). Menerusi kenyataan Presiden Persatuan Pendidikan, Michigan pula, jumlah pendaftaran dalam program persediaan guru di negeri itu turun 45%, dan satu daripada lima guru baharu turut meninggalkan profesion tersebut. Situasi yang tidak pernah dijangkakan negara-negara dunia pada ketika ini telah memberi kesan yang mendalam terhadap para pendidik sehingga menjadi penyebab mereka meninggalkan profesion masing-masing. Berikutan itu, timbul persoalan, adakah para guru di Malaysia turut berdepan dengan situasi stres? Jika negara maju seperti US sendiri berdepan dengan cabaran sedemikian, bagaimanakah pula dengan para guru di Malaysia?

Tidak dapat dinafikan bahawa perubahan drastik terhadap sistem pendidikan, sukar dianggap sebagai sebuah transformasi baharu malah, sebagai cabaran dunia pendidikan. Berita Harian (2021) juga pernah melaporkan bahawa tugas guru semakin mencabar apabila perlu menyesuaikan diri dengan norma baharu pendidikan. Di Malaysia, **PdPR secara atas talian menjadi satu cabaran kerana kelaziman masyarakat yang terlalu biasa dengan tradisi PnP secara bersemuka. Lebih mencabar lagi apabila situasi ini turut memberi kesan terhadap mental dan emosi.** Suatu perkara yang membimbangkan apabila melibatkan kesihatan mental dan emosi, kerana berupaya membawa kepada tindakan di luar kawalan. Menurut Pakar Psikologi Klinikal International University of Malaya-Wales, Dr. Mimi Fitriana Zain, fenomena pembelajaran tidak dapat dilihat sebagai sesuatu yang positif apabila seseorang individu tidak dapat menyeimbangkan penggunaan komputer. Impaknya, akan timbul masalah-masalah kognitif terutama dari segi pengambilan keputusan (Sinar Harian, 2020). Beliau juga menegaskan bahawa terdapat kajian yang telah mengaitkan situasi tersebut dengan 'screen exposure' iaitu pendedahan dengan skrin selama empat hingga lima jam secara tidak langsung akan mengakibatkan kesukaran untuk tidur, kemudiannya mengalami gangguan emosi. Hal ini memperlihatkan bahawa kesan terhadap penggunaan teknologi yang tidak seimbang berupaya membawa kepada masalah kesihatan mental.

[1] Pendidik K-12 merupakan sistem yang digunakan di US merujuk kepada guru dari peringkat tadika (kindergarten) hingga gred 12. Di US, sekolah bermula umur sekitar lima tahun hingga 18 tahun hingga (gred 12). Sistem ini dipecahkan kepada tiga peringkat: sekolah rendah (gred K-5), sekolah menengah (gred 6-8) dan sekolah tinggi (gred 9-12) (Relocate Global, 2017).

Selain itu, **realiti guru di Malaysia dalam tempoh pandemik COVID-19, iaitu tahun 2020 hingga 2022 telah menunjukkan penurunan**. Berdasarkan statistik yang dipamerkan menerusi Laman Web Rasmi KPM, jumlah guru yang dilaporkan pada Julai 2020 bagi sekolah rendah adalah 236,993 dan sekolah menengah 179,750. Bilangan tersebut menjadikan jumlah keseluruhan guru pada tahun 2020 sebanyak 416,743. Sebaliknya, pada tahun 2021, jumlah guru yang dicatatkan adalah seramai 409,381 yang terdiri daripada 118,345 dari kalangan guru lelaki dan 291,036 dari kalangan guru perempuan (KPM, 2021). Berdasarkan jumlah tersebut, didapati berlaku penurunan sebanyak 7362 orang guru berbanding tahun sebelumnya. Rajah 2 berikut memperlihatkan statistik guru dalam tempoh pandemik COVID-19 tahun 2020 hingga 2022.



Jika diteliti penurunan jumlah guru di Malaysia sebanyak 7362 orang guru pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 begitu membimbangkan. Lebih menimbulkan kebimbangan apabila jumlah guru masih menunjukkan penurunan sehingga 31 Januari 2022, iaitu sebanyak 789 orang berbanding tahun 2021. Berdasarkan Laman Web Rasmi KPM (2022), bilangan keseluruhan guru sehingga Januari 2022 yang dicatatkan berjumlah 408,592 orang iaitu dengan pecahan 118,039 guru lelaki dan 290,553 guru perempuan. Jumlah keseluruhan guru pada tahun tersebut meliputi peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan serta di program prasekolah Institut Pendidikan Guru (IPG).

Berikutan penurunan jumlah guru pada tahun 2021, didapati KPM dibawah Pelan Pemulihan Negara telah melaksanakan pengambilan khas guru secara 'one off' bagi mengisi kekosongan guru yang dihadapi di seluruh negeri terutama Sabah, Sarawak, Johor dan Selangor. Inisiatif ini

membabitkan pengambilan sejumlah 18,702 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan gred DG41 (Berita Harian 2021). Hal ini turut membuktikan bahawa kekurangan guru yang dihadapi Malaysia pada situasi pandemik bukan merupakan jumlah yang sedikit. Persoalannya, apakah faktor yang menyebabkan berlaku penurunan bilangan guru di Malaysia pada ketika ini? Adakah salah satu faktornya membabitkan para guru yang melepaskan profesion mereka kerana berhadapan dengan stres?

Sinar Harian (2022) baru-baru ini melaporkan bahawa terdapat sebilangan guru telah mengambil keputusan untuk bersara lebih awal disebabkan tekanan yang dialami semasa pandemik. Menurut Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad semasa lawatan beliau ke Gerik, Pegawai Pelajaran Daerah melaporkan bahawa guru-guru yang hampir bersara di usia 60 tahun telah mengambil keputusan untuk bersara lebih awal (Sinar Harian, 2022). Situasi ini sama sebagaimana yang berlaku di US, para guru memilih untuk bersara lebih awal akibat stres mendepani pandemik COVID-19.

Rentetan daripada masalah-masalah yang timbul, maka isu ini wajar diteliti dan diperhalusi dari segenap aspek seperti psikologi guru demi menjaga segenap emosi, fizikal dan kesejahteraan kesihatan warga pendidik supaya dapat menghindari perkara lebih buruk yang melibatkan isu kesihatan mental. Oleh yang demikian, **kajian ini merupakan satu kajian awal berkaitan dengan kesan PdPR secara atas talian yang memberi fokus terhadap kesejahteraan guru di Malaysia.**

### Objektif Kajian

Berikutan daripada permasalahan kajian, secara umumnya kajian ini bertujuan meneliti pengaruh pandemik COVID-19 dan kesan PdPR terhadap kesejahteraan guru di Malaysia. Secara khusus, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- Mengenal pasti cabaran guru dalam mendepani PdPR secara atas talian berdasarkan tahap kognitif dan kesejahteraan dan kecekapan guru.
- Menganalisis kesan PdPR secara atas talian berdasarkan aspek psikologi guru.

## Metodologi Kajian

Secara umumnya, kajian ini merupakan kajian tinjauan (survey). Kajian tinjauan merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan berbentuk eksperimen yang paling popular khususnya digunakan dalam bidang sains sosial dan banyak digunakan dalam bidang pendidikan (Firdaus Ainun, 2012). Bersesuaian dengan kajian ini yang memberi fokus terhadap sistem pendidikan di Malaysia iaitu melibatkan kesan PdPR secara atas talian.

Selain itu, **kajian bersifat kuantitatif ini juga merupakan kajian berbentuk Rapid Response Research (RRR).**

Berdasarkan Journal of Business Venturing Insights (JBVI), (2021), RRR bukanlah perkara baharu dalam bidang penyelidikan. Kebiasaannya, kaedah RRR dianjurkan dalam kes seperti wabak, bantuan bencana, krisis politik dan sebagainya (JBVI, 2021). Justeru, RRR dilihat bersesuaian dengan permasalahan kajian ini iaitu meneliti pengaruh pandemik COVID-19 dan kesan PdPR secara atas talian terhadap kesejahteraan guru di Malaysia. Umum mengetahui bahawa COVID-19 merupakan krisis wabak yang berlaku dengan mendadak dan kesannya menular dengan begitu pantas di keseluruhan negara dunia. Oleh yang demikian, kaedah RRR adalah paling bersesuaian dengan fokus kajian ini.

Kaedah RRR juga boleh dilaksanakan apabila menghadapi situasi atau kes berkaitan, dan memerlukan penglibatan para penyelidik, pengamal, aktivis dan Non-Governmental Organization (NGO) untuk mengumpul, menyumbang kemahiran serta pengetahuan masing-masing secara pantas dan bernas untuk menangani masalah tersebut (JBVI, 2021). Justeru, berikutan daripada permasalahan yang timbul ketika pandemik COVID-19, Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Malaysian Research and Education Foundation (MyREF) yang juga merupakan NGO mengambil inisiatif untuk melaksanakan satu kajian yang berbentuk RRR. Inisiatif ini diadakan dengan kerjasama dua pihak lain iaitu, Pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), yang juga pakar dalam bidang psikiatri iaitu Dr. Khadijah Hasanah Abang Abdullah dan Kaunselor Panel, Nuur Counselling and Training Center, Cik Nur Aina Mohd Kamil. Kerjasama ini bagi menyumbang idea dan kepakaran masing-masing dalam bidang psikiatri dan psikologi, selain daripada isu sosial yang ditumpukan oleh kajian ini.

Kajian ini turut melakukan kaedah pengumpulan **data primer dan sekunder. Menerusi pengumpulan data primer, kajian menggunakan kaedah soal selidik (questionnaire).** Kaedah soal selidik merupakan instrumen yang paling popular dalam kajian tinjauan manakala, kaedah temu bual dijalankan untuk menyokong hasil kajian yang diperoleh (Firdaus Ainun, 2013). Bagi mendapatkan respons dan data yang menyeluruh, borang soal selidik telah diedarkan menerusi perisian google form kepada para guru dari pelbagai latar belakang. Data kajian ini diperoleh dalam kalangan guru sekolah sepanjang tempoh PdPR berlangsung di Malaysia, bermula Disember 2020 sehingga September 2021. Dalam tempoh tersebut, kajian ini telah berjaya mengumpul seramai 273 orang responden. Menurut "Sample Size Calculator" berdasarkan Israel (2003), saiz sampel yang perlu untuk mencapai tahap keyakinan sebanyak 90% dan ketepatan data perlulah mencapai 271 responden. Dalam konteks kajian ini, saiz sampel yang diperoleh telahpun mencapai dan memenuhi standard sebagaimana yang dinyatakan oleh Israel (2003).

Selain daripada itu, untuk tujuan menyokong dapatan yang diperoleh menerusi soal selidik, kaedah temu bual separa berstruktur turut dilakukan dalam kajian ini. Temu bual ini juga melibatkan informan dalam kalangan guru sekolah rendah dan menengah, melibatkan sekolah bandar dan luar bandar. Selain menggunakan data primer, kajian ini juga turut melibatkan penggunaan data sekunder. Data sekunder dalam kajian ini melibatkan analisis dokumen berkaitan seperti jurnal, artikel, laporan akhbar, dan laporan-laporan daripada organisasi yang berkaitan. Kaedah ini bagi memperoleh maklumat tambahan berkaitan dengan isu semasa cabaran COVID-19, statistik guru dan lain-lain.

Seterusnya, untuk tujuan penganalisan data, maklumat yang diperoleh menerusi soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 26. Analisis kajian ini dilakukan secara statistik deskriptif dengan melihat kepada frekuensinya sahaja untuk mendapatkan ketepatan data.

Latar Belakang Responden

Latar belakang responden dalam kajian ini telah mengambil kira jantina, umur, kumpulan etnik, status jawatan, pengalaman mengajar, jenis sekolah, kelulusan akademik, zon, kawasan, status perkahwinan, bilangan anak dan tanggungan dan keterlibatan proses pengajaran dan

pembelajaran secara maya dan peranti ICT yang digunakan. Kepelbagaian aspek yang di ambil kira terhadap latar belakang responden menjadikan data yang diperoleh lebih komprehensif. Jadual 1 mempamerkan perincian profil responden.

Jadual 1 Profil Responden

| No. | Profil Responden                           | Peratus (%) |
|-----|--------------------------------------------|-------------|
| 1.  | <b>Jantina</b>                             |             |
|     | Lelaki                                     | 25.3        |
|     | Perempuan                                  | 74.7        |
| 2.  | <b>Umur</b>                                |             |
|     | 18-25 Tahun                                | 1.5         |
|     | 26-30 Tahun                                | 8.8         |
|     | 31-40 Tahun                                | 31.9        |
|     | 41-60 Tahun                                | 57.5        |
|     | 61 Tahun                                   | 0.4         |
| 3.  | <b>Kumpulan Etnik</b>                      |             |
|     | Melayu                                     | 89.0        |
|     | Cina                                       | 4.0         |
|     | Bumiputera Sabah                           | 2.9         |
|     | India                                      | 2.2         |
|     | Bugis                                      | 0.7         |
| 4.  | <b>Status Jawatan</b>                      |             |
|     | Tetap                                      | 95.9        |
|     | Sementara                                  | 4.1         |
| 5.  | <b>Pengalaman Mengajar</b>                 |             |
|     | 5 Tahun dan ke atas                        | 90.1        |
|     | 1 Tahun hingga 5 Tahun                     | 7.4         |
|     | Kurang dari 1 Tahun                        | 2.6         |
| 6.  | <b>Kategori Sekolah</b>                    |             |
|     | Sekolah Menengah                           | 40.8        |
|     | Sekolah Rendah                             | 51.1        |
|     | Kolej Vokasional                           | 6.6         |
|     | Sekolah Berasrama Penuh                    | 1.5         |
| 7.  | <b>Kelulusan Akademik Tertinggi</b>        |             |
|     | Sarjana muda                               | 73.3        |
|     | Diploma                                    | 7.3         |
|     | Sarjana                                    | 14.3        |
|     | STPM dan setaraf                           | 2.9         |
| 8.  | <b>Zon</b>                                 |             |
|     | Zon utara                                  | 25.3        |
|     | Zon selatan                                | 13.6        |
|     | Zon timur                                  | 18.7        |
|     | Zon tengah                                 | 28.6        |
|     | Sabah dan Sarawak                          | 13.9        |
| 9.  | <b>Kawasan</b>                             |             |
|     | Bandar                                     | 52.0        |
|     | Luar Bandar                                | 48.0        |
| 10. | <b>Status Perkahwinan</b>                  |             |
|     | Berkahwin                                  | 87.2        |
|     | Bujang                                     | 11.0        |
|     | Lain-lain                                  | 1.8         |
| 11. | <b>Bilangan anak dan tanggungan</b>        |             |
|     | 0                                          | 16.5        |
|     | 1-3 Orang                                  | 41.8        |
|     | 4-5 Orang                                  | 29.3        |
|     | 6-7 Orang                                  | 11.0        |
|     | Lebih dari 7 Orang                         | 1.5         |
| 12. | <b>Jenis peranti ICT</b>                   |             |
|     | Telefon Pintar                             | 84.6        |
|     | Tablet                                     | 13.9        |
|     | Komputer Riba                              | 79.9        |
|     | Komputer Meja                              | 12.5        |
|     | Tiada                                      | 0.4         |
| 13. | <b>Akses Internet</b>                      |             |
|     | Langganan Pascabayar ( <i>postpaid</i> )   | 41.2        |
|     | Langganan prabayar ( <i>prepaid</i> )      | 20.6        |
|     | Langganan internet                         | 29.4        |
|     | Langganan jalur lebar ( <i>broadband</i> ) | 8.8         |

Berdasarkan Jadual 1, taburan responden yang paling ramai adalah dalam kalangan guru perempuan iaitu sebanyak 74.7% berbanding guru lelaki iaitu sebanyak 25.3%. Sebagaimana statistik yang direkodkan KPM pada 31 Januari 2022, jawatan guru dipelopori oleh kaum perempuan berbanding kaum lelaki. Daripada 408,592 orang guru di Malaysia, seramai 290,553 daripadanya adalah guru perempuan dan 118,039 dari kalangan guru lelaki. Jumlah tersebut, memperlihatkan taburan responden yang diperoleh dalam kajian ini selari dengan keseluruhan jumlah guru yang dicatatkan di Malaysia bagi kedua-dua jantina lelaki dan perempuan.

Kategori umur juga memainkan peranan penting dalam kajian ini, bagi mengenal pasti peringkat umur yang paling ramai terkesan dengan PdPR secara atas talian. Majoriti responden dalam kajian ini berumur antara 41 hingga 60 tahun (57.5%), diikuti dengan 31 hingga 40 tahun (31.9%), 26 hingga 30 tahun (8.8%), 18 hingga 25 tahun (1.5%) dan 61 tahun (0.4%). Berdasarkan peratusan kategori umur, majoriti guru yang terlibat dalam kajian ini sudah cukup berpengalaman dan matang dalam mengendalikan tugas sebagai pendidik. Berdasarkan Jadual 1, guru yang terlibat telah mempunyai pengalaman mengajar selama lima tahun dan ke atas (90.1%), satu hingga lima tahun (7.4%) dan kurang dari satu tahun (2.6%).

Penelitian juga turut dilakukan terhadap kelulusan akademik tertinggi dalam kalangan guru yang terlibat. Hal ini juga penting untuk mengukur tahap pengetahuan mereka terhadap penggunaan teknologi untuk keperluan PdPR. Majoriti guru dalam kajian ini mempunyai Ijazah Sarjana Muda (73.3%), diikuti dengan Sarjana (14.3%), Diploma (7.3%)

dan STPM dan setaraf (2.9%). Peratusan ini mempamerkan bahawa para guru yang terlibat mempunyai kelayakan akademik yang baik dalam bidang perguruan. Peratusan ini juga selaras dengan jumlah guru dalam kalangan siswazah yang dicatatkan menerusi Laman Web Rasmi KPM pada Januari 2022 iaitu, 164,058 (DG44), 84,078 (DG41), 60,876 (DG48), 8199 (DG52), 3078 (DC41), 7 (VK7) dan 5 (VU7).

Status jawatan turut diambil kira dalam pengkelasan latar belakang responden kajian ini. Ternyata, para guru yang terlibat terdiri dalam kalangan yang berstatus tetap (95.9%). Hanya sebilangan kecil guru sahaja yang berstatus sementara iaitu 4.1%. Guru yang berstatus tetap kebiasaannya telah mempunyai kelayakan akademik yang khusus dalam bidang pendidikan berbanding guru berstatus sementara. Dapatan ini juga selari dengan bilangan guru yang mengisi perjawatan mengikut taraf yang dicatatkan KPM pada Januari 2022. Terdapat seramai 371,363 yang bertaraf tetap dan berpencen, 17,280 bertaraf tetap dan KWSP dan 13,389 bertaraf tetap dan percubaan berbanding lain-lain taraf.

Kutipan data menyeluruh juga dilakukan terhadap kumpulan etnik. Majoriti guru dalam kajian ini merupakan kaum Melayu dengan catatan 89% berbanding kaum lain. Kaum minoriti lain adalah dalam kalangan Cina (4%), Bumiputera Sabah (2.9%), India (2.2%) dan Bugis (0.7%). Secara umumnya kerjaya guru di Malaysia didominasi oleh kaum Melayu. Dapatan ini bertepatan dengan negara Malaysia yang majoritinya terdiri dalam kalangan masyarakat Melayu berbanding kaum lain. Walau bagaimanapun, keterlibatan pelbagai kumpulan etnik dalam kajian ini sudah memadai untuk mendapatkan kutipan data yang menyeluruh.

Keterlibatan guru dari pelbagai kategori sekolah turut dilakukan bagi mengaitkan kesan PdPR secara atas talian dengan pelajar yang berbeza peringkat sekolah. Hal ini kerana pengendalian PdPR secara atas talian berbeza mengikut peringkat umur pelajar. Keterlibatan guru yang bertugas di sekolah rendah (51.1%) menunjukkan peratusan tertinggi, diikuti dengan sekolah menengah (40.8%), kolej vokasional (6.6%) dan sekolah berasrama penuh (1.5%). Keterlibatan guru dari sekolah rendah lebih ramai berbanding sekolah menengah dan sekolah-sekolah lain ini amat bersesuaian dengan jumlah keseluruhan sekolah yang direkodkan oleh KPM. Setakat Januari 2022, daripada 10,227 buah sekolah di Malaysia, sekolah rendah mencatat angka paling banyak iaitu 7778 buah sekolah berbanding sekolah menengah yang berjumlah 2449 buah sekolah (Laman Web Rasmi KPM, 2022).

Selain itu, penelitian turut dilakukan terhadap lima jenis zon di Malaysia iaitu zon tengah (28.35%), melibatkan negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya, zon utara (25.3%) melibatkan Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak; zon timur (18.7%) melibatkan Pahang, Terengganu dan Kelantan, Sabah dan Sarawak (13.9%) dan zon selatan (13.6%) iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Penelitian ke atas zon-zon di Malaysia turut menggambarkan pengumpulan data yang menyeluruh untuk tujuan kajian ini.

Selain itu, status perkahwinan juga antara aspek penting yang turut di ambil kira dalam kajian ini. Hal ini bagi mengenal pasti kesan emosi dalam kalangan guru dengan komitmen masing-masing. Majoriti guru yang terlibat dalam kalangan yang telah berkahwin (87.2%), diikuti dengan guru bujang (11%) dan lain-lain (1.8%). Oleh yang demikian, guru-guru ini pastinya mempunyai komitmen sebagai isteri dan ibu. Tambahan pula, kutipan data terhadap bilangan anak dan tanggungan mempamerkan bahawa ramai guru yang telah mempunyai anak. Hal ini meliputi seorang hingga tiga orang (41.8%), empat hingga lima orang (29.3%), tiada (16.5%), enam hingga tujuh (11%) dan lebih dari tujuh orang (1.5%). Status perkahwinan dan bilangan anak dan tanggungan turut mempengaruhi kesan emosi guru kerana pertambahan komitmen ketika PdPR.

Dalam mendepani PdPR secara atas talian, jenis peranti ICT yang digunakan juga penting untuk memastikan kelancaran proses PnP. Demikian, jenis peranti ICT turut di ambil kira dalam mengenal pasti latar belakang responden. Telefon pintar (84.6%) antara peranti ICT yang paling banyak digunakan oleh guru-guru semasa PdPR secara atas talian. Peranti lain yang turut digunakan adalah komputer riba (79.9%), tablet (13.9%), komputer meja (12.5%) dan terdapat 0.4% yang tiada sebarang peranti. Hakikatnya telefon pintar dilihat kurang sesuai untuk PdPR kerana keterhadan spesifikasi yang disediakan dan berupaya menggugat proses PnP. Lebih-lebih lagi apabila perlu dilaksanakan secara maya.

Selain telefon pintar, PdPR secara atas talian juga memerlukan kepada akses internet yang meluas. Justeru, kajian turut meneliti akses internet yang diguna pakai oleh para guru di Malaysia untuk kelangsungan PdPR secara atas talian. Jadual 1 mempamerkan bahawa ramai dalam kalangan guru di Malaysia melakukan langganan pascabayar (postpaid) iaitu mencatat 41.2% penggunaan terhadap akses ini. Selain itu, 29.4% telah melakukan langganan internet yang meliputi langganan prabayar (prepaid) iaitu 20.6% dan 8.8% bagi langganan jalur lebar (broadband).

Walau bagaimanapun ketercapaian akses internet juga turut dipengaruhi oleh kawasan sesebuah penempatan. Hal ini dapat dibezakan antara kawasan bandar dan luar bandar. Sebanyak 52% guru dalam kajian ini telah bertugas di bandar dan 48% yang lain bertugas di luar bandar. Dapatan yang diperoleh dalam kajian ini juga selari dengan bilangan sekolah mengikut lokasi sebagaimana yang dicatatkan oleh KPM. Setakat Januari 2022, terdapat sebanyak 5901 buah sekolah di bandar dengan pecahan 4107 buah sekolah rendah dan 1794 buah sekolah menengah. Di samping itu, terdapat 4350 buah sekolah di luar bandar dengan pecahan 3671 buah sekolah rendah dan 679 buah sekolah menengah. Beza kedua-dua sekolah bandar dan luar bandar hanyalah berjumlah 1551 buah sahaja. Dengan bilangan yang dicatatkan, tidak mustahil bahawa guru yang bertugas di bandar lebih ramai berbanding luar bandar meskipun kedua-duanya tidak menunjukkan perbezaan yang ketara.

Keseluruhannya, profil responden yang dipaparkan menerusi Jadual 1 telah mengambil kira keseluruhan latar belakang guru yang terlibat dalam PdPR secara atas talian. Kepelbagaian dan perbezaan latar belakang menjadikan data yang diperoleh lebih komprehensif. Seterusnya, keterlibatan dan pengalaman guru-guru ini menjalani PdPR secara atas talian diperbincangkan bagi mengenal pasti faktor dan kesan ke atas fizikal dan emosi mereka.

Cabaran Pendidikan Norma Baharu

Guru menjadi medium penting dalam membangunkan sistem pendidikan negara lebih-lebih lagi dalam mendepani norma baharu pendidikan. Pendidikan norma baharu telah menjadikan tugas guru semakin mencabar. Walaupun pelaksanaan PnP secara atas talian merupakan inisiatif negara demi memastikan setiap pelajar menerima pendidikan sewajarnya namun, memberi cabaran besar terhadap guru dan pelajar sendiri. Hal ini sememangnya telah dipersetujui oleh para guru dalam kajian ini. Rentetan itu, kajian ini menilai cabaran PdPR secara atas talian berdasarkan tahap kognitif dan tahap kesejahteraan dan kecekapan guru. Secara umumnya, tahap kognitif dan kesejahteraan dan kecekapan guru berupaya mempengaruhi keberhasilan pelajar secara lebih dinamik. Secara khususnya, tujuan perbincangan pada bahagian ini akan meneliti aspek penyampaian guru, sama ada seseorang guru berupaya memberi komitmen terhadap PnP secara atas talian dengan baik atau sebaliknya.

Tahap Kognitif Guru

Bahagian ini memfokus terhadap tahap kognitif guru dalam menjalani PdPR secara atas talian. Perbincangan pada bahagian ini bagi meneliti keupayaan guru menjalani PdPR, kerana tahap kognitif yang baik berupaya mempengaruhi kelancaran penyampaian semasa sesi PnP berlangsung. Jadual 2 mempamerkan tahap kognitif guru dalam menjalani PdPR secara atas talian.

Jadual 2 Tahap Kognitif Guru Menjalani PdPR secara atas Talian

| Bil. | Pernyataan                                                                            | Skala (%)     |        |             |              |                     |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------|---------------|--------|-------------|--------------|---------------------|
|      |                                                                                       | Sangat Setuju | Setuju | Tidak Pasti | Tidak Setuju | Sangat Tidak Setuju |
| 1    | Sistem PnP secara atas talian lebih mudah bagi guru-guru                              | 2.9           | 5.1    | 14.3        | 48           | 29.7                |
| 2    | Sistem PnP secara atas talian sukar bagi guru-guru                                    | 3.7           | 13.3   | 23.3        | 37.8         | 21.9                |
| 3    | Kaedah pengajaran di bilik darjah lebih mudah dilakukan berbanding secara atas talian | 29.2          | 30     | 16.5        | 15.4         | 9                   |
| 4    | Guru berupaya mengawal pelajar ketika sesi PnP dari rumah                             | 1.8           | 4.8    | 12.9        | 39           | 41.5                |
| 5    | Para guru merasa lebih proaktif bekerja dari rumah berbanding ke sekolah              | 5.2           | 17.3   | 20.7        | 33.9         | 22.9                |

Berdasarkan Jadual 2 majoriti guru tidak bersetuju bahawa sistem PnP secara atas talian lebih mudah berbanding dilakukan secara bersemuka. Seramai 29.7% guru menyatakan sangat tidak setuju, diikuti 48% yang menyatakan tidak setuju. Jumlah ini mencatat peratusan tertinggi berbanding guru yang tidak pasti (14.3%), setuju (5.1%) dan sangat setuju (2.9%). Sedikit sebanyak peratusan ini membuktikan bahawa ramai guru terkesan dengan perubahan yang berlaku terhadap sistem PnP ketika pandemik COVID-19.

Secara lebih spesifik, **majoriti guru dalam kajian ini sangat bersetuju (29.2%) bahawa kaedah pengajaran di bilik darjah lebih mudah dilakukan berbanding secara atas talian. Diikuti 30% yang lain menyatakan persetujuan** berbanding 16.5% tidak pasti, 15.4% tidak setuju dan 9% sangat tidak setuju. Berdasarkan peratusan ini, sekali gus membuktikan bahawa PdPR secara atas talian memberi cabaran besar buat para guru. Berita Harian (2020) turut melaporkan bahawa pendidikan dunia maya telah memberi cabaran baharu kepada para guru kerana perlu menyesuaikan diri dengan norma baharu yang menuntut

PnP dilaksanakan dalam talian. Sekali gus menegaskan bahawa PdPR secara atas talian sangat memberi kesan terhadap para guru.

Dalam membincangkan hal ini, antara cabaran yang perlu dilalui oleh para guru adalah keupayaan mengawal para pelajar. Berdasarkan Jadual 2, **41.5% dan 39% guru menyatakan sangat tidak setuju dan tidak setuju bahawa guru berupaya mengawal pelajar ketika sesi PnP dari rumah.** Jumlah ini mencatat peratusan tertinggi berbanding 12.9% tidak pasti, 4.8% setuju dan 1.8% sangat setuju. Dapatan ini membuktikan bahawa PdPR secara atas talian menimbulkan kesukaran buat para guru dalam mengawal para pelajar. Berdasarkan Harian Metro (2021) berikutan pelaksanaan PdPR para guru terpaksa berdepan dengan pelbagai isu seperti kehadiran pelajar untuk mengikuti kelas secara dalam talian, yang memerlukan komitmen dan motivasi pelajar dan ibu bapa sendiri. Selain itu, cabaran lain PdPR secara atas talian yang disebut adalah kesukaran memantau disiplin dan tumpuan pelajar. Berbeza dengan PnP secara bersemuka, tingkah laku para pelajar boleh dipantau oleh guru sekiranya leka.

Seterusnya, kajian turut meneliti tahap keselesaan guru menjalani PdPR dari rumah. Jadual 2 menerusi pernyataan kelima mempamerkan bahawa 33.9% dan 22.9% guru dalam kajian ini tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju sekiranya mereka perlu menjalani PdPR berbanding kaedah bersemuka. Kedua-dua peratusan tersebut merupakan jumlah tertinggi berbanding 20.7% tidak pasti, 17.2% setuju dan 5.2% sangat setuju. **Dapatan ini menggambarkan bahawa para guru merasa tidak proaktif apabila perlu bekerja dari rumah berbanding ke sekolah.** Situasi ini timbul apabila arahan pelaksanaan PdPR secara atas talian oleh kerajaan secara drastik susulan PKP untuk mengekang wabak COVID-19. Tindakan mengejut ini memberi cabaran baharu kepada para guru kerana tidak begitu bersedia untuk mengajar menggunakan pendekatan di luar kelaziman biasa. Memandangkan, sistem pendidikan di Malaysia sudah terbiasa dengan budaya PnP secara bersemuka menyebabkan para guru merasa tidak proaktif menghadapi kaedah pengajaran norma baharu ini. Situasi ini turut menarik perhatian Presiden Majlis Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Nasional (PIBGN) dan mencadangkan agar latihan pendidikan perguruan yang berkaitan diperkenalkan kepada para guru sedia ada sebagai pendedahan terhadap kaedah dan proses PdPR yang proaktif (Harian Metro, 2021).

Keseluruhan dapatan pada bahagian ini membuktikan bahawa PdPR secara atas talian memberi cabaran baharu kepada para guru. Sistem dan kaedah pendidikan norma baharu diluar kelaziman dan budaya mencetuskan kekangan terhadap sebahagian besar guru di Malaysia. Walau bagaimanapun, sebagai pendidik para guru tetap komited meneruskan tugas mereka demi menghalang masalah keciciran pelajaran dalam kalangan pelajar masing-masing. Namun, jika cabaran demi cabaran berterusan tanpa sebarang tindakan bagi mengekangnya, isu ini bakal menimbulkan permasalahan lain yang melibatkan gangguan emosi guru sendiri. Justeru, adakah guru mengalami kesan emosi melaksanakan PdPR secara atas talian? Apakah pula faktor yang menyebabkan kesan emosi tersebut berlaku? Bagi menjawab persoalan ini, bahagian berikutnya meneliti tahap kesejahteraan dan kecekapan guru menjalani PdPR secara atas talian.

Kesejahteraan dan Kecekapan Guru

Bahagian ini meneliti tahap kesejahteraan dan kecekapan guru dalam mendepani sistem PdPR secara atas talian. Penelitian ini mengambil kira beberapa aspek seperti, jantina, umur, pengalaman mengajar, kawasan dan jenis peranti. Kesemua ini dinilai untuk mengenal pasti faktor yang memberi kesan ke atas emosi guru mendepani PdPR secara atas talian. Terlebih dahulu, Jadual 3 memperincikan kesan ke atas kesejahteraan dan kecekapan guru menjalani PdPR secara atas talian berdasarkan jantina.

Jadual 3 Kesan ke atas Kesejahteraan dan Kecekapan Guru Menjalani PdPR secara atas Talian Berdasarkan Jantina

| Jantina   | Kesejahteraan dan Kecekapan Guru |        |             |              |                     |        |
|-----------|----------------------------------|--------|-------------|--------------|---------------------|--------|
|           | Skala (%)                        |        |             |              |                     | Jumlah |
|           | Sangat Setuju                    | Setuju | Tidak Pasti | Tidak Setuju | Sangat tidak Setuju |        |
| Lelaki    | 4                                | 10.6   | 5.9         | 3.3          | 1.1                 | 25.3   |
| Perempuan | 12.1                             | 4.8    | 30.7        | 12.5         | 4.8                 | 74.7   |
| Jumlah    | 16.1                             | 41.7   | 20.5        | 15.8         | 5.9                 | 100    |

Jadual 3 mempamerkan sebanyak 10.6% guru lelaki bersetuju bahawa PdPR secara atas talian memberi cabaran terhadap kesejahteraan dan kecekapan guru. Jumlah ini merupakan peratusan tertinggi berbanding 5.9% tidak pasti, 4% sangat setuju, 3.3% tidak setuju dan 1.1% sangat tidak setuju. Berbeza pula dengan guru perempuan, majoriti (30.7%) dalam kalangan mereka menyatakan ketidakpastian. Selain itu, seramai 12.5% tidak setuju, sangat setuju 12.1% dan setuju dan sangat tidak setuju masing-masing mencatat 4.8%. Peratusan antara lelaki dan perempuan memperlihatkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh kaum lelaki dan perempuan adalah berbeza. Jurang perbezaan ini berlaku disebabkan bilangan guru perempuan lebih ramai berbanding guru lelaki. Selain itu, dalam konteks cabaran PdPR secara atas talian, perbezaan dapatan berlaku berpunca daripada tugas harian di rumah yang berbeza antara lelaki dan perempuan.

Walau bagaimanapun berdasarkan purata keseluruhan lelaki dan perempuan, 41.7% bersetuju bahawa PdPR secara atas talian telah memberi cabaran kepada mereka. Jumlah ini merupakan jumlah tertinggi berbanding 20.5% menyatakan tidak pasti, 16.1% sangat setuju, 15.8% tidak setuju dan 5.9% sangat tidak setuju. Oleh yang demikian, kedua-dua guru lelaki dan perempuan tidak menolak bahawa PdPR secara atas talian memberi kesukaran kepada mereka berbanding PnP secara bersemuka.

Kajian ini juga turut meneliti kesan kesejahteraan dan kecekapan guru menjalani PdPR secara atas talian berdasarkan peringkat umur. Hal ini kerana peringkat umur juga dapat mempengaruhi keupayaan seseorang guru dalam mengendalikan tugas masing-masing. Jadual 4 berikut mempamerkan kesan ke atas kesejahteraan dan kecekapan guru menjalani PdPR secara atas talian berdasarkan peringkat umur guru.

Kajian ini juga turut meneliti kesan kesejahteraan dan kecekapan guru menjalani PdPR secara atas talian berdasarkan peringkat umur. Hal ini kerana peringkat umur juga dapat mempengaruhi keupayaan seseorang guru dalam mengendalikan tugas masing-masing. Jadual 4

berikut mempamerkan kesan ke atas kesejahteraan dan kecekapan guru menjalani PdPR secara atas talian berdasarkan peringkat umur guru.

Jadual 4 Kesan ke atas Kesejahteraan dan Kecekapan Guru Menjalani PdPR secara atas Talian Berdasarkan Umur

| Umur             | Kesejahteraan dan Kecekapan Guru |        |             |              |                     | Jumlah |
|------------------|----------------------------------|--------|-------------|--------------|---------------------|--------|
|                  | Skala (%)                        |        |             |              |                     |        |
|                  | Sangat Setuju                    | Setuju | Tidak Pasti | Tidak Setuju | Sangat tidak Setuju |        |
| 18 – 25 Tahun    | 0.4                              | 0.4    | 0.4         | 0.4          | 0                   | 1.5    |
| 26 – 30 Tahun    | 2.6                              | 5.1    | 0.4         | 0.7          | 0                   | 8.8    |
| 31 – 40 Tahun    | 6.6                              | 15.1   | 5.5         | 2.9          | 1.8                 | 33     |
| 41 – 60 Tahun    | 6.6                              | 20.8   | 14.3        | 11.7         | 4                   | 57.5   |
| 61 Tahun ke atas | 0                                | 0.4    | 0           | 0            | 0                   | 0      |
| Jumlah           | 16.1                             | 40.7   | 20.5        | 15.8         | 5.9                 | 100    |

Jadual 4 mempamerkan bahawa keseluruhan peringkat umur bersetuju bahawa PdPR telah memberi kesan ke atas kesejahteraan dan kecekapan guru. Berdasarkan skala peratusan setuju, guru berumur 18 hingga 25 tahun mencatat 0.4%, 26 hingga 30 tahun mencatat 5.1%, 31 hingga 40 tahun mencatat 15.1%, 41–60 tahun mencatat 20.8% dan 61 tahun ke atas mencatat 0.4%. Masing-masing merupakan peratusan tertinggi berbanding skala peratusan lain. Dalam konteks kesan terhadap peringkat umur ini juga, guru yang mencatat bilangan setuju dengan peratusan tertinggi adalah dalam kalangan guru berusia 41 sehingga 60 tahun berbanding peringkat umur yang lain. Jumlah ini menggambarkan bahawa guru di peringkat usia ini antara yang paling terkesan dengan PdPR secara atas talian. Cabaran ini timbul kerana peringkat umur ini mempunyai kekangan terhadap penguasaan teknologi berbanding guru-guru yang lebih muda. Berdasarkan Berita Harian (2021), majoriti tenaga pendidik yang berusia 50-an dan bakal bersara beberapa tahun lagi kurang mahir terhadap penggunaan teknologi maklumat (ICT). Justeru mereka perlu dibantu dan disokong oleh guru-guru muda yang lebih terdedah kepada teknologi komunikasi maklumat terkini agar dapat mengurangkan beban dan masalah para guru yang lebih berusia.

Sememangnya PdPR secara atas talian memerlukan kemahiran yang tinggi terhadap penggunaan teknologi. Lebih-lebih lagi dengan kemunculan pelbagai platform untuk tujuan keberlangsungan PnP seperti Google Meet, Zoom Meeting, Parlay, Blooket, Remind, Mote dan pelbagai lagi. Selain dijadikan medium komunikasi terpenting dalam proses PdPR, platform seperti ini mempunyai kepelbagaian fungsi untuk menjadikan PnP secara maya lebih menarik dan tidak menimbulkan kebosanan pelajar. Tambahan pula, para guru juga perlu mahir dengan teknologi atas keperluan memberi tunjuk ajar kepada pelajar yang kurang mahir terhadap penggunaan teknologi ini.

Keperluan kemahiran teknologi kedua-dua pihak guru dan pelajar juga penting untuk kelancaran PnP. Namun begitu, selain daripada wadah baharu aplikasi terkini, penggunaan peranti ICT yang bersesuaian juga penting untuk memastikan kelancaran PdPR secara atas talian. Kajian ini turut meneliti jenis peranti ICT yang digunakan dalam kalangan guru untuk keberlangsungan PdPR secara atas talian. Jadual 5 memaparkan jenis peranti ICT yang digunakan oleh para guru mengikut peringkat umur.

Jadual 5 Penggunaan Peranti ICT oleh Guru Berdasarkan Peringkat Umur

| Jenis Peranti ICT                                    | Umur (%)      |               |               |               |                  | Jumlah |
|------------------------------------------------------|---------------|---------------|---------------|---------------|------------------|--------|
|                                                      | 18 – 25 Tahun | 26 – 30 Tahun | 31 – 40 Tahun | 41 – 60 Tahun | 61 Tahun ke atas |        |
| Komputer Riba                                        | 0.4           | 1.8           | 4.4           | 8.4           | 0                | 15     |
| Telefon Pintar                                       | 0             | 2.2           | 5.9           | 8.4           | 0                | 16.5   |
| Telefon Pintar, Komputer Meja                        | 0             | 0             | 0.7           | 2.6           | 0                | 3.3    |
| Telefon Pintar, Komputer Riba                        | 0.7           | 4.0           | 13.9          | 27.5          | 0                | 46.5   |
| Telefon Pintar, Komputer Riba, Komputer Riba         | 0             | 0             | 1.5           | 2.9           | 0.4              | 4.4    |
| Telefon Pintar, Tablet, komputer Riba                | 0.4           | 0             | 4.8           | 4             | 0                | 9.2    |
| Telefon Pintar, Tablet, Komputer Riba, Komputer Meja | 0             | 0.4           | 0.7           | 3.7           | 0                | 4.8    |
| Tiada                                                | 0             | 0.4           | 0             | 0             | 0                | 0.4    |
| Jumlah                                               | 1.5           | 8.8           | 31.9          | 57.5          | 0.4              | 100    |

Jadual 5 menunjukkan peratusan jenis peranti ICT yang digunakan dalam kalangan guru di Malaysia untuk kegunaan PdPR secara atas talian. Antara jenis peranti yang disenaraikan adalah komputer riba, telefon pintar, komputer meja dan tablet. Dalam hal ini, guru-guru di Malaysia menggunakan lebih daripada satu jenis peranti ICT. Berdasarkan dapatan tersebut, majoriti guru telah menggunakan komputer riba (15%) dan telefon pintar (16.5%) berbanding jenis peranti lain. Hal ini termasuk guru yang menggunakan kedua-dua jenis peranti iaitu telefon pintar dan komputer riba (46.5%). Jumlah ini mencatat peratusan tertinggi berbanding penggunaan peranti ICT lain. Jika diteliti dari aspek penggunaan peranti ICT berdasarkan peringkat umur pula, peringkat umur 41 hingga 60 tahun mencatat jumlah tertinggi terhadap penggunaan telefon pintar dan komputer riba iaitu 27.5% berbanding peranti lain. Jumlah ini menunjukkan penggunaan peranti ICT dalam kalangan guru berusia 41 hingga 60 tahun tidak kurang bezanya dengan guru yang lebih muda berusia 31 hingga 40 tahun (13.9%).


Meskipun tiada jurang ketara terhadap penggunaan peranti ICT antara guru berusia dengan guru yang lebih muda, namun penggunaan peranti ICT secara intensif sangat diperlukan untuk tujuan PdPR secara atas talian. Telefon pintar antara peranti ICT yang dilihat kurang bersesuaian untuk tujuan PnP. Berdasarkan Jadual 5, ramai kalangan guru hanya menggunakan telefon pintar (16.5%) berbanding peranti lain untuk tujuan PnP secara atas talian. Telefon pintar untuk tujuan ini dilihat kurang sesuai kerana keterhadan dalam pengendaliannya. Ditambah pula, skrin yang lebih kecil berbanding komputer meja dan komputer riba yang lebih besar dan disertai dengan pelbagai kaedah pengendalian. Demikian, jenis peranti ICT juga sangat penting demi kelancaran PdPR secara atas talian. Bagi guru yang kurang berkemahiran, hal ini memberi tekanan dan cabaran dalam meneruskan kerjaya mereka sebagai pendidik.

Kesan ke atas kesejahteraan dan kecekapan guru juga turut dipengaruhi oleh pengalaman mengajar mereka. Hal ini kerana pengalaman mengajar menjadikan seseorang guru berupaya mengawal kekangan dan cabaran dengan lebih baik berbanding guru yang kurang berpengalaman. Justeru, kajian meneliti kesan ke atas kesejahteraan dan kecekapan guru mendepani PdPR secara atas talian berdasarkan usia pengalaman masing-masing. Jadual 6 mempamerkan kesan ke atas kesejahteraan dan kecekapan guru menjalani PdPR secara atas talian berdasarkan pengalaman mengajar.

Jadual 6 Kesan ke atas Kesejahteraan dan Kecekapan Guru Menjalani PdPR secara atas Talian Berdasarkan Pengalaman Mengajar

| Pengalaman Mengajar    | Skala (%)     |        |             |              |                     | Jumlah |
|------------------------|---------------|--------|-------------|--------------|---------------------|--------|
|                        | Sangat Setuju | Setuju | Tidak Pasti | Tidak Setuju | Sangat tidak Setuju |        |
| Kurang dari 1 tahun    | 1.1           | 1.1    | 0           | 0.4          | 0                   | 2.6    |
| 1 Tahun hingga 5 Tahun | 2.2           | 3.7    | 0.7         | 0.7          | 0.4                 | 7.7    |
| 5 Tahun dan ke atas    | 12.8          | 37     | 19.8        | 14.7         | 5.5                 | 89.8   |
| Jumlah                 | 16.1          | 41.8   | 20.5        | 15.8         | 5.9                 | 100    |

Jadual 6 menggambarkan bahawa majoriti guru yang berpengalaman lima tahun dan ke atas (37%) bersetuju dan sangat setuju (12.8%), bahawa PdPR secara atas talian memberi kesukaran dan cabaran kepada mereka berbanding guru yang kurang berpengalaman. Jumlah ini merupakan peratusan tertinggi berbanding 19.8% dalam kalangan mereka tidak pasti, 14.7% tidak setuju dan 5.5% sangat tidak setuju. Berdasarkan jumlah yang dipamerkan sekali gus membuktikan bahawa guru yang berpengalaman mempunyai kekangan dan cabaran mendepani PdPR secara atas talian berbanding guru yang kurang berpengalaman. Terdapat dua faktor yang boleh dikaitkan dengan dapatan ini. Pertama, majoriti guru dalam kajian ini adalah dalam kalangan guru yang berpengalaman mengajar lima tahun ke atas (90.1%) berbanding guru yang kurang berpengalaman setahun hingga lima tahun (7.4%) dan kurang dari satu tahun (2.6%). Rajah 3 berikut mempamerkan pengalaman mengajar guru dalam kajian ini.



Berdasarkan Rajah 3 ternyata para guru dalam kajian ini terdiri dalam kalangan guru yang berpengalaman. Oleh yang demikian, tidak mustahil peratusan cabaran ke atas kesejahteraan dan kecekapan guru dalam kajian ini di alami dalam kalangan guru yang berpengalaman berbanding guru yang kurang berpengalaman. Faktor kedua pula, dapat dikaitkan dengan peringkat umur. Guru yang berpengalaman mempunyai kekangan mendepani PdPR kerana dalam kalangan mereka telah berusia. Jadi, tidak mustahil sekiranya situasi PdPR secara atas talian ini memberi cabaran kepada mereka sebagaimana yang digambarkan Jadual 5 sebelum ini. Oleh itu, pengalaman turut menjadi faktor penentu cabaran yang dialami para guru dalam kajian ini.

Seterusnya, kesejahteraan dan kecekapan guru turut dipengaruhi oleh kawasan tempat tinggal masing-masing. Hal ini dilihat berupaya mempengaruhi komitmen mengajar dalam kalangan guru-guru sekolah. Jadual 7 mempamerkan kesan ke atas kesejahteraan dan kecekapan guru berdasarkan kawasan.

Jadual 7 Kesan ke atas Kesejahteraan dan Kecekapan Guru Menjalani PdPR secara atas Talian Berdasarkan Kawasan

| Kawasan     | Skala (%)     |        |             |              |                     | Jumlah |
|-------------|---------------|--------|-------------|--------------|---------------------|--------|
|             | Sangat Setuju | Setuju | Tidak Pasti | Tidak Setuju | Sangat tidak Setuju |        |
| Bandar      | 6.6           | 18.3   | 14.3        | 9.2          | 3.7                 | 52     |
| Luar Bandar | 8.1           | 14.3   | 10.3        | 7.7          | 7.7                 | 48     |
| Jumlah      | 14.7          | 31.1   | 24.5        | 16.8         | 11.4                | 100    |

Keseluruhannya, Jadual 7 mempamerkan bahawa kedua-dua guru dari kawasan bandar (18.2%) dan luar bandar (14.3%) bersetuju bahawa kawasan tempat tinggal mempengaruhi komitmen mengajar masing-masing. Kedua-dua peratusan ini menjadikan 31.1% majoriti bersetuju berbanding 24.5% tidak pasti, 16.8% tidak setuju, 14.7% sangat setuju dan 11.4% sangat tidak setuju. Secara tidak langsung memperlihatkan tiada jurang yang ketara antara guru di bandar dan luar bandar dalam mendepani PdPR secara atas talian. Selain itu, dapatan ini juga bertitik tolak daripada peratusan guru yang berada di bandar yang lebih ramai (52%) berbanding guru yang berada di luar bandar (48%) dalam kajian ini.

Guru di bandar dan kawasan luar bandar mempunyai cabaran masing-masing dalam mendepani sistem era baharu ini. Bagi guru-guru di bandar, mereka perlu berhadapan dengan masalah pelajar dari golongan miskin yang tidak mempunyai peranti ICT atau akses internet yang baik. Hal ini berikutan masalah miskin bandar yang sering

disebut sejak krisis pandemik COVID-19. Selain itu, di luar bandar atau pedalaman pula, akses internet yang meluas adalah masalah utama bagi para guru disana. TRDI News (2021) melaporkan bahawa PdPR memberi cabaran utama kepada guru yang berada di kawasan pedalaman kerana masalah jaringan telekomunikasi yang kurang memuaskan sehingga membantutkan proses PnP. Dalam hal ini, guru bukan sahaja perlu berhadapan dengan kesukaran komitmen daripada pelajar malah, diri sendiri. Hakikatnya, PdPR yang tidak diurus dengan baik dibimbangi meningkatkan jurang pencapaian pendidikan antara pelajar khususnya antara golongan kaya dan miskin dan antara di bandar dan luar bandar (Berita Harian, 2021).

Secara keseluruhannya, dapatan pada bahagian ini telah mempamerkan ramai kalangan guru bersetuju bahawa PdPR secara atas talian memberi kesan terhadap kesejahteraan dan kecekapan mereka. Spesifiknya, PdPR secara atas talian memberi kesan langsung ke atas emosi guru akibat dibebani oleh pelbagai isu dan cabaran. Jika keadaan ini berterusan, adakah kesan ini berupaya membawa kepada permasalahan yang melibatkan masalah kesihatan mental? Bahagian selanjutnya, membincangkan kesan PdPR secara atas talian dari sudut psikologi.

Kesan Transformasi Pendidikan dari Aspek Psikologi Guru

Situasi negara yang sedang berdepan dengan pandemik COVID-19 menyebabkan timbul pelbagai isu kesihatan mental. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), penyakit mental antara lima penyakit yang berupaya menyebabkan hilang upaya di seluruh dunia dan dijangkakan pada tahun 2020 menjadi penyakit kedua tertinggi di dunia. Kenyataan tersebut selari dengan pandangan pakar perunding psikiatri Malaysian Mental Health Association. Ng. (2020), menegaskan bahawa menjelang tahun 2020 penyakit mental dijangka menjadi masalah kesihatan kedua terbesar kepada rakyat Malaysia selepas penyakit jantung. Sememangnya, masalah ini perlu dilihat sebagai suatu isu yang serius dan perlu untuk ditangani.

Sehubungan dengan itu, ramai kalangan guru dalam kajian ini juga merasa tidak proaktif sepanjang PdPR secara atas talian berlangsung. Para guru merasakan bahawa PdPR secara atas talian memberi pelbagai cabaran kepada mereka berbanding secara bersemuka. Menurut Yu, liu, Huang dan Cao (2021), situasi PdPR telah menambah kekeliruan dan stres dalam kalangan guru walaupun tahap ketersediaan guru dilakukan dalam keadaan terbaik. Keadaan stres ini jika berlanjutan terlalu lama dan tidak ditangani sebaiknya berupaya membawa kepada krisis psikologi seperti stres, gemuruh dan kemurungan. Jadual 8 memperincikan kekerapan gangguan psikologi guru dalam tempoh dua minggu.

Jadual 8 Kekerapan Gangguan Psikologi Guru (Simptom) dalam Tempoh Dua minggu

| Bil. | Simptom                                                              | Skala (%)                |               |                    |                     |
|------|----------------------------------------------------------------------|--------------------------|---------------|--------------------|---------------------|
|      |                                                                      | Tidak Pernah Sama Sekali | Beberapa Hari | Hampir Setiap Hari | Lebih dari Seminggu |
| 1    | Mempunyai sedikit minat atau keseronokan dalam melakukan kerja-kerja | 23.1                     | 50.5          | 10.3               | 16.1                |
| 2    | Murung, sedih atau tiada harapan                                     | 56.8                     | 33.3          | 4                  | 5.9                 |
| 3    | Kesukaran untuk tidur                                                | 54.6                     | 39.2          | 6.2                | 6.2                 |
| 4    | Kesukaran mendapatkan semangat melakukan kerja                       | 46.1                     | 44.7          | 4                  | 5.1                 |
| 5    | Kesukaran menghentikan atau mengawal kebimbangan                     | 54.2                     | 35.9          | 4                  | 5.9                 |
| 6    | Tidak mempunyai sebarang harapan terhadap diri sendiri               | 70.3                     | 20.5          | 2.6                | 16.1                |
| 7    | Kesukaran beri fokus ketika mengajar                                 | 46.2                     | 41.8          | 4                  | 5.1                 |
| 8    | Resah, gelisah atau tegang                                           | 29.7                     | 55.3          | 8.8                | 6.2                 |
| 9    | Berkecenderungan bertindak keterlaluan                               | 68.1                     | 24.9          | 2.6                | 4.4                 |

Berdasarkan Jadual 8, kajian ini mengenal pasti simptom-simptom yang mungkin dialami para guru di Malaysia dalam mendepani PdPR secara atas talian. Pengenal pastian terhadap kekerapan simptom-simptom ini dilakukan dalam tempoh masa dua minggu. Berdasarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (2021), jika perasaan sedih yang melampau dan terlalu berat untuk ditanggung berpanjangan melebihi tempoh dua minggu serta mengganggu fungsi harian maka, perasaan tersebut bukanlah sekadar sedih lazim tetapi melibatkan penyakit kemurungan. Oleh itu, sejumlah sembilan simptom gangguan psikologi di teliti dalam tempoh masa dua minggu dalam kalangan guru-guru di Malaysia.

Simptom pertama iaitu, mempunyai hanya sedikit minat atau keseronokan dalam melakukan tugas telah dialami oleh **majoriti guru dengan kekerapan beberapa hari sebanyak, 50.5% berbanding 23.1% tidak sama sekali, 16.1% lebih dari seminggu dan 10.3% hampir setiap hari**. Meskipun, jumlah guru yang mempunyai simptom ini lebih dari seminggu (10.3%) hanya mencatat peratusan terendah namun, telah terdapat guru yang mempunyai tanda-tanda yang akan membawa kepada penyakit stres atau kemurungan. Berdasarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), (2019) salah satu tanda kemurungan adalah hilang minat terhadap perkara rutin.

Selain itu, simptom stres dan kemurungan juga dapat dilihat menerusi simptom kedua yang dicatatkan menerusi Jadual 8. Sebanyak 56.8% guru dalam kajian ini menyatakan tidak pernah sama sekali mengalami simptom-simptom seperti murung, sedih atau tiada harapan. Kekerapan simptom-simptom tersebut hanya dialami oleh 33.3% guru dalam tempoh masa beberapa hari sahaja. Namun, terdapat juga 5.9% guru yang mengalaminya dalam tempoh masa lebih dari seminggu dan 4% mengalami hampir setiap hari. Meskipun jumlah yang mengalami simptom murung, sedih dan tiada harapan ini hanya sedikit namun, jika dibiarkan berterusan pasti membawa kepada peningkatan jumlah guru yang mengalaminya.

Kesukaran untuk tidur juga merupakan sebahagian daripada simptom yang berupaya membawa kepada penyakit kemurungan (depression). Berdasarkan My Health My Life (2021), salah satu tanda atau simptom kemurungan (depression) adalah perubahan corak waktu tidur. Dalam situasi ini, seseorang individu akan bangun awal atau sukar untuk tidur dan terdapat juga individu yang akan tidur terlalu lama daripada kebiasaannya. Namun, **majoriti guru tidak pernah sama sekali (54.6%) mengalami gangguan tidur berbanding 39.2% mengalaminya dalam tempoh beberapa hari**, dan diikuti 6.2% mengalaminya dalam tempoh lebih dari seminggu dan hampir setiap hari. Dengan peratusan yang dicatatkan, sebilangan guru telah dikenal pasti mempunyai simptom kemurungan (depression) menerusi gangguan tidur yang dialami sebagaimana yang turut tersenarai sebagai salah satu tanda tersebut menerusi KKM (2019).

Kesukaran mendapatkan semangat melakukan kerja juga adalah simptom yang berupaya membawa kepada krisis kesihatan mental iaitu kepenatan (burnout). Tiada semangat atau kepuasan melakukan kerja antara simptom kepenatan (burnout) yang telah digariskan KKM (2019). Walaupun peratusan bagi skala tidak pernah sama sekali berjumlah 46.1% adalah paling tinggi dicatatkan namun, **tidak kurang bezanya dengan peratusan yang mengalami simptom ini dalam tempoh beberapa hari (44.7%)**. Peratusan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat jurang perbezaan yang begitu ketara antara guru yang tidak pernah mengalami dan guru yang pernah mengalami walaupun masih dalam tempoh beberapa hari sahaja. Selain itu, kesukaran ini turut dialami oleh para guru dalam tempoh masa melebihi seminggu iaitu 5.1% dan 4% dialami hampir setiap hari.

Kesukaran menghentikan atau mengawal kebimbangan pula merupakan gejala seseorang mengalami kebimbangan (anxiety). Berdasarkan Jadual 8, terdapat 54.2% guru telah menyatakan tidak pernah sama sekali mengalami simptom ini. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebahagian guru yang lain telah mengalami tanda-tanda ini. **Seramai 35.9% guru sememangnya telah mengalami simptom ini dalam tempoh beberapa hari**, 4% yang lain pernah mengalaminya hampir setiap hari dan 5.9% turut mengalaminya lebih dari tempoh seminggu. Hal ini bermakna, sebahagian daripada guru dalam kajian ini telah mengalami gejala kebimbangan (anxiety) walaupun dalam tempoh yang tidak kerap.

Simptom berikutnya, adalah tidak mempunyai sebarang harapan untuk diri sendiri. Simptom ini pula merupakan salah satu tanda-tanda kemurungan (depression) sebagaimana yang digariskan oleh KKM (2019). Peratusan tertinggi dicatatkan adalah 70.3% iaitu tidak pernah sama sekali berbanding 20.5% beberapa hari, 6.6% lebih dari seminggu dan 2.6% hampir setiap hari. Simptom ini juga dilihat masih berada pada tahap terkawal dengan majoriti guru yang tidak pernah sama sekali mengalaminya dalam tempoh yang berpanjangan.

Seterusnya, kesukaran memberi fokus ketika mengajar. KKM (2019) turut menyenaraikan salah satu daripada lapan tanda kemurungan ialah kognitif, sukar untuk fokus dan membuat keputusan serta pelupa. Dalam hal ini 46.2% guru menyatakan tidak pernah sama sekali mengalami simptom seperti ini. Walau bagaimanapun peratusan tersebut tidak kurang bezanya dengan guru yang mengalaminya dalam tempoh beberapa hari (41.8%) berbanding 8.1% lebih dari seminggu dan 4% hampir setiap hari. Kesukaran memberi fokus juga merupakan salah satu simptom kemurungan yang digariskan oleh My Health My Life (2021). Namun, berdasarkan peratusan yang dipaparkan dalam Jadual 8, hanya sebilangan kecil guru yang mengalami masalah memberi fokus ketika mengajar. Namun, sebagaimana simptom-simptom lain, masih terdapat guru yang telah mengalami tanda-tanda yang berupaya membawa kepada masalah mental meskipun dalam jumlah minoriti.

**Jadual 8 turut memaparkan bahawa majoriti guru telah mengalami perasaan resah, gelisah atau tegang dalam tempoh beberapa hari (55.3%)** berbanding 29.7% tidak pernah sama sekali, 8.8% hampir setiap hari dan 6.2% lebih dari seminggu. Berdasarkan peratusan yang dicatatkan, sebahagian besar guru sememangnya telah mengalami simptom kebimbangan (anxiety) walaupun telah mengalaminya dalam tempoh beberapa hari. Perbezaan ketara dicatatkan dengan peratusan guru yang tidak pernah sama sekali mengalami simptom tersebut. Hal ini menimbulkan kebimbangan apabila statistik kajian ini menunjukkan ramai guru berisiko mengalami simptom gangguan psikologi.

Seterusnya, cenderung bertindak keterlaluan merupakan simptom yang paling bahaya akibat daripada stres yang berpanjangan. Hakikatnya, situasi ini mampu membawa kepada tindakan yang keterlaluan seperti bunuh diri. Dalam hal ini perasaan atau percubaan membunuh diri adalah simptom paling serius (My Health My Life, 2021). Menurut My Health My Life (2021) juga, seseorang yang mempunyai simptom ini akan kerap kali merasa ingin membunuh diri atau merancang cara untuk menamatkan hidup. Justeru, situasi demikian sangat membimbangkan sekiranya berlaku dalam kalangan guru yang berdepan dengan PdPR. Walau bagaimanapun, kekerapan bagi simptom ini paling tinggi dicatatkan pada skala tidak pernah sama sekali iaitu 68.1%. Jumlah ini merupakan peratusan tertinggi yang dicatatkan berbanding 24.9% beberapa hari, 4.4% lebih dari seminggu dan 2.6% hampir setiap hari. Oleh yang demikian, dianggarkan bahawa majoriti guru tidak berkecenderungan untuk bertindak keterlaluan.

**Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa gangguan psikologi ke atas guru di Malaysia masih berada pada tahap yang terkawal.** Berdasarkan peratusan (Jadual 8) yang dipaparkan, majoriti guru menyatakan bahawa mereka tidak pernah sama sekali mengalami simptom-simptom yang berupaya membawa kepada masalah kesihatan mental. **Namun begitu, sebahagian guru yang menyatakan mereka mengalami simptom-simptom ke arah gangguan psikologi tersebut dengan kekerapan yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, tahap gangguan emosi yang boleh membawa kepada masalah mental para guru di Malaysia harus diambil perhatian yang lebih serius oleh pihak berwajib.**

Kegagalan mengawal situasi ini boleh membawa kepada kemudaratan di luar kawalan. Jika diteliti secara terperinci, statistik (Jadual 8) menunjukkan peratusan yang konsisten bagi guru yang mengalami simptom-simptom gangguan psikologi. **Hal ini menunjukkan bahawa terdapat sejumlah guru yang sememangnya sedang mengalami gangguan psikologi yang berupaya menjejaskan kesihatan mental. Walaupun peratusan yang ditunjukkan hanya di peringkat minoriti namun, kesannya boleh mempengaruhi majoriti pelajar di bawah seliaan guru-guru terbabit.** Lebih membimbangkan, permasalahan ini juga berupaya menjejaskan prestasi dan kerjaya guru sendiri. Hakikatnya, perkara yang melibatkan gangguan emosi guru ini tidak sewajarnya dipandang remeh sebaliknya, perlu kepada perhatian khusus.

## Cadangan Penambahbaikan

Tindakan sewajarnya daripada pihak berkepentingan sangat diperlukan bagi meneliti semula PdPR secara atas talian dari pelbagai aspek termasuk kemudahan atau prasarana untuk kemudahan para guru. Situasi ini agar sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013–2025) iaitu memahami prestasi dan cabaran semasa sistem pendidikan Malaysia dengan memberi tumpuan terhadap akses pendidikan, meningkatkan standard, merapatkan jurang pencapaian, mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid dan mengoptimumkan kecekapan sistem. Secara teoretikalnya, inisiatif telahpun digariskan sebagai dasar meningkatkan sistem pendidikan negara namun, bagaimana pula dari segi pelaksanaan secara praktikal? Berikutan daripada permasalahan yang timbul, bahagian ini membincangkan cadangan ke arah penambahbaikan sistem pendidikan di Malaysia.

Sejajar dengan permasalahan yang timbul melibatkan isu kesihatan mental para guru, didapati KPM sendiri telah mengambil inisiatif dengan menyediakan bantuan sokongan psikologi yang meliputi kaunseling individu, kelompok dan sesi konsultasi kepada guru, bukan guru, serta murid (Sinar Harian, 2022). Dilaporkan, perkhidmatan bantuan sokongan ini dilakukan oleh kaunselor pendidikan serta guru bimbingan dan kaunseling yang profesional membabitkan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daedah (PPD) dan semua institusi pendidikan KPM. Hal ini tentunya bagi menangani kes gangguan kesihatan mental dalam menghadapi fasa pemulihan pasca pandemik COVID-19. Dalam usaha merealisasikan inisiatif ini, kajian mencadangkan agar **KPM memperkasakan peranan Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsk) yang sedia ada**. Dalam hal ini, BPsk perlu bersedia menghadapi isu kesihatan mental yang bakal menjadi cabaran utama dalam kalangan guru sejak kehadiran pandemik. Hal ini juga selaras dengan objektif utama BPsk sendiri iaitu, menyediakan perkhidmatan psikologi dan kaunseling untuk kesejahteraan individu, organisasi dan komuniti. Oleh yang demikian, demi memastikan peranan mereka lebih komprehensif, dicadangkan dua perkara yang perlu dilakukan sebagaimana berikut;

- i. Meningkatkan kapasiti dan perjawatan pekerja BPsk yang dilihat terhad berbanding bilangan guru yang aktif di sekolah-sekolah di Malaysia. Hal ini bagi meningkatkan peranan bahagian ini agar lebih komprehensif. Selanjutnya memperlihatkan peranan BPsk yang turut memberi keutamaan terhadap masalah psikologi dihadapi para guru.
- ii. Meningkatkan ketersediaan dan aksesibiliti terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh BPsk. Dalam hal ini BPsk perlu bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti pakar perubatan di bahagian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengenal pasti guru-guru yang mempunyai masalah psikologi dan psikiatri.

Sebagaimana sistem pendidikan di United Kingdom (UK) yang turut memandang serius isu kesihatan mental dalam kalangan guru sehingga pihak kerajaan mengambil inisiatif dengan mengadakan kerjasama dengan pemimpin, majikan dan pekerja dari pelbagai jabatan dalam sektor pendidikan. Inisiatif tersebut bagi memelihara dan menjaga kesihatan mental para pendidik di UK, dengan menubuhkan The Education Staff Being Charter di bawah Department for Education (Lerikkanen et al., 2020). Berdasarkan Lerikkanen et al. (2020), antara peranan organisasi tersebut bagi membentuk kesejahteraan guru menerusi dasar yang dibangunkan, termasuk mengukur dan mengambil kira perubahan kesejahteraan para guru, menyokong sektor pendidikan dengan memastikan tiada bebanan kerja yang tidak relevan, memastikan kepelbagaian dan fleksibiliti

kepada guru, serta meningkatkan akses kepada kesihatan dan kesejahteraan mental guru. Hal ini memperlihatkan usaha yang komprehensif dengan penglibatan pelbagai pihak yang wajar diteladani. Usaha ini bukan sahaja dapat membantu para guru ketika situasi pandemik ini sahaja bahkan, agar negara lebih bersedia di masa akan datang apabila berhadapan dengan situasi yang lebih membimbangkan.

Selain itu, kesulitan yang ditanggung oleh majoriti guru berkaitan dengan penguasaan teknologi dalam melaksanakan PdPR secara atas talian juga perlu perhatian khusus. Berikutan itu, kajian turut mencadangkan **latihan atau kursus secara berkala diberikan kepada semua guru berkenaan dengan pengurusan teknologi termasuk kaedah penggunaan platform PnP**. Latihan sebegini amat penting demi memastikan kelancaran PdPR secara atas talian terutamanya bagi para guru yang berumur 41 hingga 60 tahun yang sememangnya mengalami kesukaran tersebut.

Setakat ini, perkara yang telah dilaksanakan adalah Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) yang perlu diikuti oleh semua guru bertujuan meningkatkan profesionalisme guru dalam kemahiran pengajaran dan pemurnian sukatan pelajaran. Justeru, untuk tujuan sama namun, dalam situasi yang berbeza kajian turut mencadangkan dua perkara yang boleh dilakukan menerusi pelaksanaan latihan atau kursus secara berkala iaitu merangkumi;

- i. Latihan atau kursus berkala perlu dilaksanakan dengan menubuhkan kumpulan sokongan (support group) dalam opsyen yang sama;
- ii. Latihan atau kursus secara berkala ini juga perlu menyentuh perkara-perkara yang berkait rapat dengan pengurusan kandungan teknologi (Content Management) dan kaedah dalam mengendalikan platform pembelajaran digital.

Menurut Organization for Economic Co-operation and Development (OECD), (2010), sesetengah guru berkemungkinan mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan PnP secara atas talian dengan begitu drastik kerana kurang kemahiran teknologi. Keberkesanan penguasaan teknologi untuk tujuan PnP bergantung kepada kecekapan dan latihan pedagogi guru (OECD, 2010). Misalnya di UK, para guru telah didedahkan dan diberikan kursus pembangunan profesional yang melibatkan pengajaran secara atas talian. Namun begitu, menurut Economy Policy Institute (2020) penglibatan para guru masih lagi di tahap yang rendah sekurang-kurangnya dua daripada tiga sekolah awam sahaja yang menyertai kursus tersebut sepanjang tempoh 12 bulan yang lepas. Hasil kajian Economy Policy Institute (2020) juga menunjukkan kurangnya minat daripada guru untuk menyertai kursus pengajaran secara atas talian. Hal ini secara tidak langsung menjejaskan kualiti penyampaian dan pengajaran kepada pelajar.

Dari perspektif guru sendiri, berdasarkan temu bual yang dijalankan, para guru turut bersetuju bahawa mereka sememangnya memerlukan latihan atau kursus secara berkala untuk menguasai kaedah baharu PnP. Menurut informan yang terlibat, sejak arahan pelaksanaan PdPR secara atas talian, mereka diberi taklimat oleh pentadbir hanya sekali sahaja berkenaan dengan garis panduan pelaksanaan kaedah tersebut. Selanjutnya, para guru akan diberi pencerahan berkaitan teknologi sekiranya menghadapi masalah semasa PdPR berlangsung. Kaedah ini dilihat kurang efektif jika dibandingkan dengan latihan yang berterusan. Sebagai contoh, sistem pendidikan di Finland yang dilihat sangat praktikal menerusi pelaksanaan bengkel untuk para guru bagi meningkatkan kefahaman guru

terhadap penguasaan teknologi seterusnya membina budaya pendidikan berasaskan ICT atau digital (Council for Creative Education (CCE) Finland, 2022). Selain daripada mencorak kesan daripada latihan yang berterusan terhadap budaya penggunaan teknologi dalam pendidikan, kaedah ini juga sebagai persiapan negara berhadapan dengan situasi seumpamanya di masa akan datang.

Selanjutnya, dicadangkan juga pihak berwajib dapat **mewujudkan pembantu guru atau pegawai berkemahiran dalam teknologi maklumat bagi membantu guru terhadap perkara-perkara berkaitan**. Hal ini bagi mengurangkan bebanan tugas para guru terhadap kerja-kerja hakiki mereka seterusnya menjadikan mereka lebih proaktif. Sebaliknya yang berlaku, berdasarkan temu bual dengan informan kajian, mereka menyatakan bahawa terdapat sebahagian guru yang mempunyai kemahiran teknologi walaupun secara asas sahaja turut dipertanggungjawabkan mengurus perkara berkaitan dengan teknologi. Susulan arahan penutupan sekolah, guru yang mempunyai kemahiran teknologi telah diminta untuk mengurus perkara berkaitan dengan teknologi seperti kekurangan pada sistem dan platform Google Classroom untuk tujuan keberlangsungan PdPR. Para guru berpandangan, ini merupakan suatu tindakan yang kurang wajar kerana mewujudkan pertambahan beban kerja kepada mereka. Oleh itu, selain usaha mewujudkan pembantu guru di sekolah, antara perkara lain yang dicadangkan adalah sebagaimana berikut;

- i. Bagi sekolah di luar bandar, pihak sekolah boleh mendapatkan bantuan khidmat nasihat daripada Pegawai Teknologi Maklumat dan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat di Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi). PEDi yang dilancarkan sejak november 2021 merupakan pusat akses perkhidmatan jalur lebar dan dilengkapi kemudahan infrastruktur digital serta kakitangan terlatih untuk memberi perkhidmatan dan sokongan (Kementerian Komunikasi dan Multimedia, 2021). Dilaporkan, sebanyak 883 PEDi sedang beroperasi manakala 28 lagi akan beroperasi menjelang 31 Mac 2022 di kawasan luar bandar di seluruh Malaysia.
- ii. KPM juga boleh mengadakan kerjasama dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) untuk mendapatkan bantuan khidmat rundingan.

Oleh yang demikian, inisiatif mewujudkan pegawai berkemahiran teknologi amat diperlukan bagi meringankan bebanan guru. Sebagaimana di UK, Juruteknik Reka Bentuk dan Teknologi (D&T) kebiasaannya terlibat sebagai sebahagian daripada guru yang turut menjadi pengajar dan kakitangan sokongan lain (UNISON, 2022). Dalam hal ini, mereka turut terlibat menyediakan peralatan menyokong tenaga pengajar dan pelajar semasa sesi PnP, menyimpan peralatan, menyemak stok, membaiki dan menyelenggara serta mengubah suai peralatan dan melaksanakan tugas pentadbiran. Sedikit-sebanyak, dengan kehadiran pembantu guru seperti ini dapat meringankan tugas para guru lebih-lebih lagi dalam situasi PdPR. Hal ini, memadai sekiranya pegawai teknologi maklumat dapat menyediakan alat bantu mengajar (ABM) yang bersesuaian untuk memudahkan urusan PdPR secara atas talian.

Seiring dengan peredaran zaman, teknologi tidak seharusnya dianggap hanya sebagai alternatif dalam dunia pendidikan. Ditambah pula teknologi maklumat kini dianggap sebagai suatu bebanan sehingga meninggalkan kesan emosi apabila majoriti guru perlu berhadapan dengannya. Sebaliknya, teknologi maklumat harus dijadikan sebagai satu kemestian dalam memperkasakan sistem pendidikan di Malaysia agar tidak jauh ketinggalan.

Cadangan Kajian Masa  
Hadapan



Secara umumnya, kajian mendapati bahawa kaedah PdPR secara atas talian yang dilaksanakan secara drastik memberi kesan emosi kepada guru, namun kajian tidak mendedahkan kaedah yang berkesan bagi menangani isu ini. Kajian ini adalah bersifat 'Rapid Response Research' untuk menyediakan dapatan segera bagi membantu pihak berwajib mengenalpasti kesan PdPR terhadap kesejahteraan guru dalam situasi pandemik. Justeru, satu kajian lanjutan perlu dilakukan yang memfokus terhadap kaedah PnP semasa COVID-19. Tuntutan situasi pandemik COVID-19 pada ketika ini memerlukan pelan tindakan yang komprehensif meliputi kaedah PnP berasaskan digital. Hal ini boleh diteladani dari negara-negara yang telah berjaya mendepani pergolakan sistem pendidikan ketika situasi pandemik. Ketersediaan negara-negara tersebut dari sudut perancangan dan pelan kontingensi membuktikan sistem pendidikan mereka yang fleksibel.

Selain itu, kajian ini hanya memberi fokus terhadap pengumpulan data secara kuantitatif menerusi kaedah soal selidik. Menerusi kaedah soal selidik, kajian hanya mendedahkan dapatan kajian secara statistik. Oleh itu satu kajian lanjutan perlu dilakukan bagi memahami perkara yang tidak boleh dikenal pasti menerusi kajian kuantitatif dan perlu diselesaikan menerusi kajian kualitatif. Kajian susulan menerusi kaedah temu bual perlu dilaksanakan bagi meneliti dengan lebih lanjut kelompok minoriti yang mengalami gangguan psikologi.

Secara keseluruhannya, cadangan kajian lanjutan ini akan membantu pihak KPM dalam memberi solusi yang lebih komprehensif kepada para guru dari segi sokongan psikologi dan sosial. Kajian yang bakal dilaksanakan MyREF juga akan bersifat bebas dan tidak berat sebelah memandangkan MyREF merupakan institusi yang tidak berkepentingan bagi KPM atau institusi pendidikan yang lain. Malahan pelaporan kajian akan bersifat neutral bagi menanggapi isu berkaitan kesihatan mental guru dalam usaha merumuskan suatu kaedah yang holistik untuk kesejahteraan guru.

## Kesimpulan

PdPR secara atas talian merupakan kaedah baharu dalam dunia pendidikan di Malaysia yang menggunakan teknologi sebagai medium perantara. Kaedah ini bukan sahaja menjadi alternatif baharu, malah penyelamat dalam sistem pendidikan ketika negara sedang berdepan dengan pergolakan krisis kesihatan dunia. Impak terhadap transformasi dunia pendidikan di Malaysia ini mungkin kelihatan dinamik tetapi pelaksanaan secara mendadak sedikit sebanyak membawa kepada isu dan cabaran lain. Selain daripada perlu berdepan pembaharuan dan pemeraksanaan teknologi, guru juga perlu berdepan dengan kerenah pelajar. Hal ini tidak termasuk isu dan cabaran antara tugas hakiki dan peribadi. Kesemua isu dan cabaran ini menimbulkan permasalahan terhadap gangguan emosi guru yang berupaya membawa kepada masalah stres dan kemurungan.

Tindakan menghalang isu kesihatan mental daripada terus berlarutan dalam kalangan guru sekolah sangat diperlukan. Tambahan pula, Normazwin Yahya, Halawiah Safinas Ishak, Nordiana Abd Rahman dan Halimatun Saadiah Usuldin (2020), menyatakan bahawa isu kesihatan mental yang semakin meningkat dalam kalangan guru memberi impak terhadap perkhidmatan sehingga berlakunya kegagalan dalam mengawal tingkah laku dan tindakan di luar batasan individu. Justeru, di bimbangi stres yang berlarutan dalam kalangan guru mendorong kepada tindakan yang tidak sewajarnya lebih-lebih lagi bunuh diri. Seterusnya, membawa kepada "pandemik pendidikan" PdPR yang menyebabkan ketidakseimbangan pendidikan.



## Rujukan

- Andrew, G (2008). Analysing data SPSS. [https://students.shu.ac.lits/it/documents/pdf/analysing\\_data\\_using\\_spss.pdf](https://students.shu.ac.lits/it/documents/pdf/analysing_data_using_spss.pdf).
- Department for Education. (2020). The education staff wellbeing charter. [https://assets.publishing.service.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment\\_data/file/1034032/DfE\\_Education\\_Workforce\\_Welbeing\\_Charter\\_Nov21.pdf](https://assets.publishing.service.gov.uk/government/uploads/system/uploads/attachment_data/file/1034032/DfE_Education_Workforce_Welbeing_Charter_Nov21.pdf).
- Economic Policy Institute. (2020). COVID-19 and student performance, equity and US education policy: Lessons from pre-pandemic research to inform relief, recovery and rebuilding. <https://www.epi.org/publication/the-consequences-of-the-covid-19-pandemic-for-education-performance>.
- Flannery, M., E. (2021, August 27). As teachers' shortage grows, schools opening without key educators. NEA News: National Education Association. <https://www.nea.org/advocating-for-change/new-from-nea/teacher-shortage-schools-opening-without-key-educators>.
- Hazli Zakaria & Ng Chong Guan (2021). Mental health handbook. Kuala Lumpur: VIATRIS, Malaysian Mental Health Association and Malaysian Psychiatric Association.
- Israel, G.D. (2003). Determining Sample Size. <https://www.tarleton.edu/academicassessment/documents/samplesize.pdf>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). Berita dan isu semasa impak COVID-19 kepada ekonomi. Sekretariat dan Jawatankuasa Khas DOSM Menangani COVID-19: Statistik dan Info Media (BDA), (Bil. 25). [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/7\\_Publication/Articles/20210223-Isu-dan-Berita-Bil-7-2021.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/7_Publication/Articles/20210223-Isu-dan-Berita-Bil-7-2021.pdf).
- Journal of Business Venturing Insights. (2021). JBVI ER3-Entrepreneurship rapid response research initiative. Retrieve from <https://www.journals.elsevier.com/journal-of-business-venturing-insights/call-for-papers/jbvi-er3-entrepreneurship-rapid-response-research-initiative>.
- Mission Square Research Institute. (2021). 2021 Updated survey results: K-12 public school employee views on finances, employment outlook, and safety concerns due to COVID-19. [https://www.slge.org/wp-content/uploads/2021/09/k-12surveyfindings\\_sept21.pdf](https://www.slge.org/wp-content/uploads/2021/09/k-12surveyfindings_sept21.pdf).
- Najar, A. M., Gilberto, A., Cobo, C., Azevedo, J. P., & Maryam Akmal. (2021). Remote learning during COVID-19: Lessons from today, principal for tomorrow. (Report No: 166111). <https://documents.worldbank.org/en/publication/documents-reports/documentdetail/160271637074230077/remote-learning-during-covid-19-lessons-from-today-principles-for-tomorrow>.
- Organization for Economic Co-operation and Development (OECD), (2010). Inspired by Technology, Driven by Pedagogy: A Systemic Approach to Technology-Based School Innovations Centre for Educational Research and Innovation. <https://doi.org/10.1787/9789264094437-en>.
- Rafidah Mat Zuki & Tuty Haryanti Mat Zuki. (2021, Jun 20). KPM lantik lebih 18000 guru baharu. Berita Harian. <https://www.Bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/829943/kpm-lantik-lebih-18000-guru-baharu>.
- Raja Nur Fazni Aida (2020, Disember 2). Pembelajaran online boleh beri kesan kesihatan mental. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/112917/KHAS/>.
- Saifullah Ahmad (2022, Februari 17). Guru jangan bersara awal. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/188346/EDISI/Guru-jangan-bersara-awal>.
- Singh, G., O'Donoghue, J., & Worton, H. (2005). A study into the effects of eLearning on higher education. Journal of university teaching and learning practice, Volume 2, Issue 1, Article 3.
- UNISON. (2022). Information and communication technology tours 2022. <https://www.ccefinland.org/information-communication-technology>.